

Jawab semua soalan

1 (a) Firman Allah SWT :

﴿وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ۝۳۳﴾

(Surah Fussilat : 33)

Ayat di atas menjelaskan kewajipan melaksanakan dakwah.


Berdasarkan ayat di atas,

(i) Nyatakan maksud dakwah.

[2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** tuntutan ayat selain berdakwah.

[2 markah]



(iii) Merujuk gambar di atas, sejauh manakah pendekatan dakwah tersebut dapat mempengaruhi kehidupan remaja masa kini.

[4 markah]

(iv) Ramalkan implikasi kepada remaja sekiranya pendekatan tersebut diabaikan.

[2 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عن أبي هريرة عن النبي ﷺ قال : سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ : الْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلَانِ تَحَابَّا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ فَقَالَ : إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ أَخْفَى حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ.

(متفق عليه)

Hadis di atas menjelaskan tujuh golongan yang mendapat naungan Allah SWT.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Apakah maksud naungan Allah SWT? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** contoh perbuatan menyembunyikan sedekah. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran hadis. [4 markah]

(c) Nyatakan cara bacaan tanda wakaf berikut. [2 markah]

- (a) 
- (b) 

2 (a) Al-Muntaqim merupakan salah satu daripada sifat Allah SWT.

- (i) Apakah maksud al-Muntaqim? [2 markah]
- (ii) Terangkan bukti Allah SWT bersifat al-Muntaqim dalam peristiwa al-Dukhan. [2 markah]

(b) Setiap muslim wajib memelihara iman daripada terbatal.

- (i) Jelaskan contoh batal iman melalui : [2 markah]
 - (a) Perbuatan
 - (b) Perkataan

- (ii) Terangkan **dua** kesan melakukan perkara yang membatalkan iman. [4 markah]

Seorang murid menggunakan AI (*Artificial Intelligence*) untuk mendapatkan jawapan tentang hukum agama tanpa merujuk guru atau sumber yang sahih.

- (iii) Apakah risiko yang boleh berlaku terhadap pemahaman agamanya? Huraikan jawapan anda. [4 markah]

- (iv) Cadangkan langkah yang boleh diambil untuk memastikan maklumat yang diperolehi selaras dengan ajaran Islam. [2 markah]

- (c) Umat Islam wajib berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

- (i) Apakah takrif Ahli Sunnah Wal Jamaah? [2 markah]

- (ii) Siapakah pengasas aliran Muktazilah? [1 markah]

- (iii) Nyatakan prinsip Khawarij terhadap golongan yang melakukan maksiat. [1 markah]

- 3 (a) Umat Islam yang berkemampuan wajib menunaikan ibadat haji.

- (i) Apakah maksud haji? [2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** hikmah menunaikan ibadat haji dari aspek rohani. [2 markah]

- (b) Akad dalam muamalat Islam penting bagi memastikan sesuatu urusan dilaksanakan secara sah di sisi syarak.

- (i) Nyatakan maksud akad. [2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** perbezaan antara muamalat Islam dengan konvensional. [4 markah]

- (c) Islam menyediakan jalan penyelesaian terbaik bagi menangani masalah rumah tangga.
- (i) Apakah maksud talak? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **satu** daripada jenis talak berikut: [2 markah]
- (a) Talak raj'i
(b) Talak bain

Puan Aina kematian suaminya dalam satu kemalangan jalan raya dan wajib mematuhi tempoh idah yang telah ditetapkan oleh syarak.

- (iii) Mengapakah Puan Aina perlu melalui tempoh idah tersebut? [2 markah]
- (iv) Apakah yang akan terjadi sekiranya seseorang wanita tidak mematuhi tempoh idah? Huraikan. [4 markah]

- Bilangan khalifah : 37 orang khalifah.
- Keluasan kerajaan : Meliputi sebahagian besar benua Afrika, Asia dan Eropah.
- Pusat pemerintahan : Baghdad, Iraq.

- 4 (a) (i) Berdasarkan maklumat di atas, nyatakan nama kerajaan tersebut. [1 markah]
- (ii) Siapakah khalifah pertama kerajaan tersebut? [1 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** faktor kemerosotan kerajaan di atas. [2 markah]

Baitul Hikmah merupakan perpustakaan terulung yang memanfaatkan terjemahan pelbagai karya asing.

- (iv) Pada pandangan anda, bagaimana institusi di atas dapat menyumbang kepada pembangunan ummah pada masa kini?

[2 markah]

- (v) Cadangkan langkah yang boleh diambil oleh kerajaan dalam mengembalikan peranan institusi tersebut.

[4 markah]

- (b) (i) Nyatakan **dua** sifat keperibadian Imam Ahmad bin Hanbal.

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau dalam tamadun Islam.

[2 markah]

- (iii) Terangkan iktibar daripada keunggulan tokoh.

[2 markah]

- (c) (i) Nyatakan riwayat hidup Sultan Muhammad al-Fateh.

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau.

[2 markah]

- 5 (a) Konsep wasatiah menekankan keseimbangan antara tuntutan dunia dan akhirat.

- (i) Apakah maksud wasatiah?

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** hikmah melaksanakan wasatiah.

[2 markah]

Akal yang cerdas terletak pada badan yang cergas

- (iii) Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas.

[4 markah]

- (iv) Pada pendapat anda, mengapakah murid yang mengabaikan kesihatan fizikal berisiko menghadapi masalah dalam perkembangan intelektual mereka?

[2 markah]

- (b) (i) Nyatakan maksud **satu** daripada sifat mazmumah yang berikut.

(a) Ujub

(b) Riak

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** contoh sifat mazmumah di atas.

[2 markah]



- (iii) Mengapakah Islam melarang umatnya bersikap sedemikian?
Jelaskan jawapan anda.

[2 markah]

- (iv) Cadangkan contoh amalan yang boleh anda lakukan dalam kehidupan untuk mengelakkan situasi di atas.

[4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT